

RINGKASAN MAKLUMAT SIJIL INDUK

Ahli yang Dilindungi patut membaca maklumat berikutnya bersama-sama dengan syarat-syarat yang tertera di dalam Ringkasan Sijil Induk.

1. BUKTI UMUR

Sekiranya berlaku tuntutan di bawah Sijil Induk ini, PruBSN memerlukan bukti umur Ahli yang Dilindungi yang memuaskan jika umur tidak diperakui kepada PruBSN sebelum ini.

2. PENUKARAN MAKLUMAT PERIBADI

Bagi memastikan PruBSN dapat memaklumkan Ahli yang Dilindungi tentang maklumat yang perlu, Ahli yang Dilindungi mesti pastikan bahawa PruBSN mempunyai butir-butir perhubungan terkini.

3. PENYERAHAN TUNTUTAN

Untuk membuat tuntutan, Pemegang Sijil Induk mesti menghantar pemberitahuan bertulis kepada PruBSN ke alamat di bawah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian/peristiwa. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan membatakan tuntutan sekiranya terdapat penjelasan munasabah menunjukkan notis tidak dapat diserahkan dan notis telah diberi seawal dan seupaya yang mungkin selepas tamat tempoh masa tersebut.

Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898 (740651-H))

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

Apabila tuntutan dibuat, penuntut perlu memaklumkan Wakil Bank PruBSN dan menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan yang lengkap kepada PruBSN untuk memproses tuntutan.

4. KHIDMAT PELANGGAN**Cawangan**

Cawangan PruBSN beroperasi dari 8:45 pagi hingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).

Panggilan

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian **Corporate Group Business Support** PruBSN di **03 2778 2155** pada waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum) atau hubungi wakil bank PruBSN.

Surat-menjurat dan E-mel

Ahli yang Dilindungi boleh menulis kepada PruBSN di:

Corporate Group Business Support

Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898 (740651-H))

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

E-mel: corporatesupport@prubsn.com.my

5. PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN DAN BANK NEGARA MALAYSIA *LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)*

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan Bank Negara Malaysia *Laman Informasi Nasihat Dan Khidmat (BNMLINK)* telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan dan membantu menyelesaikan sebarang perselisihan mengenai tuntutan. Sekiranya Ahli yang Dilindungi tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan yang telah PruBSN buat, Ahli yang Dilindungi boleh menulis kepada alamat-alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan

(dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2272 2811
Laman web: www.fmos.org.my

BNMLINK

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 atau +603-2174-1717 (untuk panggilan luar negara)
Faks: +603-2174-1515
Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

KONTRAK SYARIAH ('AQAD)**1. Hubungan Kontrak di kalangan Ahli-ahli yang Dilindungi dengan Pemegang Sijil Induk**

Kedua-dua Pemegang Sijil Induk dan Ahli-ahli yang Dilindungi bersetuju untuk menyertai pelan ini berdasarkan prinsip *Ta'awun* (bantuan bersama). Sumbangan *Tabarru'at* (amal kebajikan) untuk setiap Ahli-ahli yang Dilindungi yang dibuat oleh Pemegang Sijil Induk akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* untuk menyediakan manfaat bersama yang akan dibayar kepada semua Ahli yang Dilindungi yang layak atau benefisiari mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah pelan itu.

2. Hubungan Kontrak di antara Pemegang Sijil Induk dan Ahli-ahli yang Dilindungi dengan PruBSN**2.1 Wakalah**

- 2.1.1 Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada PruBSN untuk menguruskan pelan takaful ini dan melaburkan Dana *Tabarru'*. PruBSN diberi kuasa untuk melaksanakan operasi takaful berdasarkan prinsip Shariah, undang-undang dan pengawalseliaan dan juga terma-terma yang dinyatakan.
- 2.1.2 Sebagai pulangan kepada tugas yang dijalankan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Pemegang Sijil Induk bersetuju untuk membayar Caj *Wakalah* kepada PruBSN seperti yang ditentukan di bawah Sijil Induk. Selain daripada Caj *Wakalah*, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas Lebihan yang Boleh Diberikan seperti yang dinyatakan di bawah Sijil Induk.
- 2.1.3 Apabila keadaan yang dianggap sebagai salah urus, kecuaian atau pelanggaran istilah tertentu, PruBSN akan menanggung dan hendaklah membayar kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos sebenar yang dialami oleh Pemegang Sijil Induk atau Ahli yang Dilindungi.
- 2.1.4 Kontrak *Wakalah* ini hendaklah dibubarkan apabila penamatkan akibat sebarang keadaan yang ditentukan di bawah Ringkasan Sijil Induk Klausula 4. PruBSN layak untuk menerima Caj *Wakalah* bagi perkhidmatan yang diberikan.

RINGKASAN SIJIL INDUK**1. SIJIL**

- 1.1. Ringkasan Sijil Induk ini adalah petikan dari peruntukan utama Sijil Induk. Ia tidak menggantikan atau menukar Sijil Induk dan tertakluk kepada sebarang perubahan berikutnya pada Sijil Induk.
- 1.2. Semua interpretasi manfaat-manfaat dan terma-terma yang dinyatakan di dalam dokumen ini harus berdasarkan kepada peruntukan yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Induk.
- 1.3. Orang yang mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini dirujuk sebagai Ahli yang Dilindungi.

2. MANFAAT-MANFAAT**2.1. Group Term Takaful (GTT)**

Suatu amaun sekaligus akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) secara semulajadi atau kemalangan.

2.1.1. Manfaat Kematian

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi atau kemalangan sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil, PruBSN akan membayar jumlah yang dilindungi untuk GTT.

2.1.2. Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh

Seseorang hendaklah dianggap menjadi tidak berupaya secara kekal dan menyeluruh sekiranya seseorang itu, disebabkan kemalangan atau penyakit, tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dalam sebarang pekerjaan dan tidak boleh melakukan sebarang pekerjaan untuk mendapat gaji atau keuntungan.

Hilang upaya berikut juga akan dianggap sebagai memenuhi definisi TPD:

- (a) hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan pada kedua belah mata; atau
- (b) kehilangan oleh pemisahan fizikal dua (2) anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
- (c) hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan pada satu (1) mata dan kehilangan oleh pemisahan fizikal satu (1) anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

Sekiranya Ahli yang Dilindungi mengalami TPD secara semulajadi atau kemalangan sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil, PruBSN akan membayar jumlah yang dilindungi GTT, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut:

- a) Manfaat TPD dipercepatkan dan apa-apa pembayaran yang dibuat kepada Ahli yang Dilindungi yang terkesan akan mengurangkan jumlah yang dilindungi GTT oleh jumlah yang sama. Manfaat TPD yang dibayar adalah mengikut amaun jumlah perlindungan GTT pada tarikh hilang upaya.
- b) Tempoh penilaian minimum seratus lapan puluh (180) hari akan dilaksanakan dan hilang upaya mesti disahkan oleh doktor yang sesuai yang dilantik oleh PruBSN.

2.2 Group Crisis Protector (GCP)

2.2.1 Sekiranya Ahli yang Dilindungi didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil, PruBSN akan membayar jumlah yang dilindungi GCP, tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

- a) Sementara Sijil dan manfaat ini berkuatkuasa, jika tuntutan dibuat untuk Ahli yang Dilindungi yang mempunyai Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, PruBSN akan membayar hanya sepuluh peratus (10%) daripada jumlah yang dilindungi GCP.
- b) Manfaat GCP dipercepat dan sebarang pembayaran yang dibuat kepada Ahli yang Dilindungi yang terkesan akan mengurangkan jumlah yang dilindungi GTT dan GCP oleh amaun yang sama. PruBSN hanya akan membayar baki selebihnya jumlah yang dilindungi GTT atau GCP jika Ahli yang Dilindungi meninggal dunia, mengalami TPD atau didiagnosis dengan mana-mana Penyakit Kritikal yang lain sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil.

2.2.2 Penyakit kritikal yang dilindungi:

1. Penyakit Alzheimer/ Demensia Teruk
2. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari
3. Meningitis Bakteria
4. Tumor Otak Benign –keterukan tertentu
5. Buta – kekal dan tidak boleh dipulihkan
6. Pembedahan Otak
7. Kanser – Keterukan tertentu dan tidak meliputi kanser yang sangat awal
8. Kardiomiopati – keterukan tertentu
9. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan kegagalan sumsum tulang kekal
10. Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
12. Pekak – kekal dan tidak boleh dipulihkan
13. Ensefalitis
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir
15. Penyakit paru-paru tahap akhir
16. AIDS dengan Gejala Penuh

17. Hepatitis viral fulminan
18. Serangan jantung – keterangan tertentu
19. Pembedahan Injap Jantung
20. Jangkitan HIV melalui transfusi darah
21. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
22. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri
23. Hilang Keupayaan Bertutur
24. Trauma Kepala MAJOR
25. Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang
26. Penyakit Sistik Medular
27. Penyakit Neuron Motor – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
28. Sklerosis Multipel
29. Kelumpuhan Anggota
30. Penyakit Parkinson
31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterangan tertentu
32. Penyakit Arteri Koronari Serius
33. Strok – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
34. Pembedahan Aorta
35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
36. Kelecuran Tahap Ketiga – keterangan tertentu

3. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

3.1 Kematian

Tiada manfaat akan dibayar sekiranya kematian berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) perbuatan membunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras, dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi; atau
- (b) sebarang keadaan sedia ada.

3.2 Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Tiada manfaat akan dibayar sekiranya TPD berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- (b) sebarang perbuatan jenayah atau sebarang percubaan untuk melakukan suatu kesalahan jenayah; atau

- (c) sebarang penyalahgunaan dadah atau alat perangsang termasuk sebarang komplikasi akibat dari penyalahgunaan; atau
- (d) peperangan atau tindakan agresif seperti pencerobohan, tindakan negara asing, tindakan musuh (sama ada dengan atau tanpa perisytiharan perang), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, rusuhan, gangguan oleh pihak berkuasa tentera dan perampasan; atau
- (e) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, pernerjunan payung terjun dan penerjunan udara) selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya; atau
- (f) sebarang keadaan sedia ada.

3.3 Penyakit Kritikal

Tiada manfaat akan dibayar sekiranya penyakit kritikal berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) sebarang keadaan yang ditunjukkan oleh gejala dalam masa:
 - i. enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasa perlindungan untuk angioplasti dan rawatan invasif yang lain untuk penyakit arteri koronari, kanser, pembedahan melalui arteri koronari, serangan jantung atau penyakit arteri koronari yang serius; dan
 - ii. tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuatkuasa perlindungan untuk penyakit kritikal yang dilindungi selain daripada yang dinyatakan di atas; atau
- (b) sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang dilakukan sendiri, semasa waras atau tidak waras; atau
- (c) sebarang keadaan sedia ada; atau
- (d) kewujudan Sindrom Kekurangan Imunisasi yang Diperolehi (AIDS) atau kehadiran mana-mana jangkitan Virus Kekurangan Imunisasi Manusia (HIV). Pengecualian hanya berlaku apabila AIDS dengan gejala penuh atau HIV disebabkan oleh pemindahan darah; atau
- (e) sebarang perbuatan jenayah atau sebarang percubaan untuk melakukan suatu kesalahan jenayah; atau
- (f) sebarang kecederaan atau penyakit yang diakibatkan oleh perang, sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan.

4. PENAMATAN

4.1. Perlindungan Takaful di bawah Sijil bagi Ahli yang Dilindungi akan tamat serta-merta:

- 4.1.1. apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- 4.1.2. apabila pengurangan atau penghabisan sepenuhnya Jumlah yang Dilindungi Group Term Takaful (GTT) dan Jumlah yang Dilindungi Group Crisis Protector (GCP) akibat tuntutan manfaat yang dipercepat bagi Ahli yang Dilindungi; atau
- 4.1.3. apabila menerima arahan bertulis dari Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi; atau
- 4.1.4. apabila Tarikh Pembaharuan Bulanan Sijil pertama pada atau selepas hari lahir ke 60 Ahli yang Dilindungi; atau
- 4.1.5. apabila penamatan Sijil Induk;

yang mana-mana berlaku terlebih dahulu.